

NAMA: _____

TAHUN: _____

NILAI BAIK HATI (TAHUN 6)

- A. Tandakan (/) pada ayat yang menunjukkan sikap positif dan membantu orang yang berada di sekeliling .

1	Selepas kematian Sarjan Zailan, isteri dan anak-anaknya tidak pernah mendapat sebarang bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.	☐
2	Kamala diterima masuk ke sekolah berasrama penuh atas surat sokongan daripada wakil rakyat yang ditemuinya.	☐
3	Walaupun Manaf lebih muda dan gagah, namun dia tidak memberikan tempat duduknya kepada wanita mengandung yang sedang berdiri di dalam bas.	☐
4	Doktor Aida memberi perkhidmatan rawatan percuma kepada penduduk Kampung Harum Manis.	☐
5	Penduduk kampung menolong keluarga Daud menguruskan upacara pengebumian ayahnya.	☐

- B. Isikan peta di bawah dengan jenis-jenis bencana yang boleh kita hulurkan sumbangan (cari contoh di dalam buku teks (nilai baik hati))

Peta Bulatan

i-THINK

Jenis-jenis Bencana

Tahap Penguasaan 5	Murid mengamalkan sikap rela menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan dalam kehidupan seharian.	☐ Menguasai ☐ Belum menguasai
Tahap Penguasaan 6	Murid mengamalkan sikap rela menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.	☐ Menguasai ☐ Belum menguasai

C. Pilih jawapan yang paling tepat

2

- 1 Mengapakah kebanyakan jiran tetangga pada zaman sekarang kurang menghulurkan bantuan kepada jiran mereka?
 - A Sibuk dengan hal masing-masing
 - B Mengamalkan sikap pilih kasih
 - C Suka mencampuri hal orang
 - D Kurangnya sifat prihatin
- 2 Rumah rakan sekelas Hamdi terbakar semalam. Apakah yang boleh Hamdi lakukan untuk membantu rakannya itu?
 - A Menangis kerana sedih
 - B Membuat kutipan derma kilat
 - C Mengajak rakannya keluar makan
 - D Membina rumah baharu untuk rakannya
- 3 Berikut merupakan cara-cara memberi sokongan kepada pesakit kronik, **kecuali**
 - A sering melawatnya.
 - B menyisihkan mereka.
 - C memberi kata-kata semangat.
 - D memberi sumbangan kewangan.
- 4 Apakah kesan jika kita mengamalkan sifat prihatin dalam diri?
 - A Disenangi orang lain
 - B Dilabel sebagai penyibuk
 - C Sering runsing memikirkan masalah
 - D Mengalami masalah kewangan kerana sering membantu orang lain
- 5 Berikut merupakan cara seseorang menunjukkan keprihatinan terhadap bebanan orang lain, **kecuali**
 - A bertanya khabar.
 - B menghulurkan bantuan.
 - C sudi mendengar masalah.
 - D menjalani kehidupan sendiri.

D. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul

beban ikhlas sentosa Berbakti Sumbangan

- 1 _____ yang dihulurkan oleh rakyat Malaysia telah banyak mengurangkan bebanan mereka.
- 2 Setiap bakti yang dilakukan perlulah dilaksanakan dengan perasaan yang _____.
- 3 Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum yang hidup dengan aman dan _____ kerana sikap mereka yang penyayang dan baik hati.
- 4 "_____lah kepada orang-orang tua dan mereka yang kurang bernasib baik," pesan Cikgu Ramzan.
- 5 Kita sepatutnya berasa simpati dengan _____ dan masalah yang ditanggung oleh mereka.